

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI  
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

**SOALAN NO. 270**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program yang dicadangkan oleh Kementerian bagi menggantikan Biro Tatanegara dan PLKN dalam membentuk jati diri generasi muda ke arah patriotisme dan pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

1. Konsep Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) adalah berdasarkan kepada lima (5) elemen iaitu: kepimpinan, pembentukan watak dan jati diri, kenegaraan, kesukarelawanan dan keusahawanan di samping penekanan kepada nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Fokus MFLS jelas terarah kepada pembentukan bakat kepimpinan generasi muda. Dalam konteks ini, Kementerian berhasrat untuk menyediakan satu platform khusus bagi mempersiapkan “*future-ready leaders*” yang akan menjadi tonggak kepimpinan pelbagai sektor di masa hadapan.
2. 35,000 orang pelajar sekolah akan menyertai program dan proses pemilihan sepenuhnya dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peserta yang dipilih adalah merupakan warganegara Malaysia yang berumur antara 15 hingga 17 tahun dan terdiri daripada pelbagai kaum.
3. Selain MFLS, program pembangunan generasi muda amnya turut dirancang untuk diadakan dalam bentuk bengkel, seminar dan kursus yang menjurus kepada bidang keusahawanan, kenegaraan, modal insan dan kepimpinan.

Sekian, terima kasih.